

TEKS UCAPAN YDP
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PROJEK KOMPOSTER AEROB PERINGKAT
SEBERANG PERAI TENGAH
14 DISEMBER 2014 (AHAD), JAM 10.30 PAGI
DEWAN TAMAN IMPIAN INDAH

Yang Berhormat Tuan Lee Khai Loon
ADUN Machang Bubuk

Yang Dihormati Ahli Majlis – Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Wakil-wakil penduduk dari Seberang Perai Tengah

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian serta tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa ke Majlis Pelancaran Projek Komposter Aerob Peringkat Seberang Perai Tengah pada hari ini. Pada 29

November 2014 yang lalu, projek ini juga telah dilancarkan bagi Daerah Seberang Perai Utara. Manakala untuk pelancaran di Seberang Perai Selatan telah diadakan pada 7 Disember iaitu minggu lepas.

Untuk makluman YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan,

Pengurusan sisa pepejal adalah merupakan satu agenda yang sering dibincangkan di Seberang Perai tidak kira peringkat penduduk atau pihak kerajaan. Dan sampah ini pula berkait rapat dengan kebersihan kawasan. Di sudut penduduk, penduduk inginkan kawasan tempat tinggal mereka bersih dan indah tetapi keadaan ini tidak berlaku bagi sesetengah kawasan. Banyaknya sampah yang dijanakan dari tahun ke tahun dan ia adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah penduduk.

Bagi pihak MPSP pula, hasrat kami adalah melihat pengurangan jumlah sampah yang dijanakan dari tahun ke tahun. Jumlah sisa yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung bermula pada bulan Januari – November 2014 adalah sebanyak 399,464.96 tan berbanding tempoh yang sama iaitu bulan Januari – November 2013, jumlah sampah yang dijanakan adalah 392,297.99 tan, peningkatan sebanyak 7,166.97 tan.

Pertambahan sampah ini menyebabkan MPSP perlu membelanjakan kos pengurusan sisa pepejal yang lebih banyak. Pada tahun 2013, MPSP terpaksa membelanjakan RM 65.16 juta daripada keseluruhan bajet RM 211.28 juta. Manakala pada tahun 2014, MPSP memperuntukan RM 74.12 juta daripada jumlah RM 233.49 juta untuk pengurusan sisa pepejal.

Sejak pengambilan MPSP dalam 100% kerja-kerja pembersihan di Seberang Perai, MPSP telah membeli 1,300 unit tong sampah jenis MGB 660lt dan 940 unit tong sampah jenis MGB 240lt serta menambah 174 jentera-jentera seperti lori kompaktor, *open truck*, *back hoe*, kren, lori *tipper*, *road sweeper* *land cruiser* dan lain-lain. Walaupun Majlis membuat penambahan dari segi tong sampah dan jentera, tetapi masalah sampah tidak dapat diselesaikan jika kita sebagai penghuni di bumi tidak mengambil langkah untuk mengurangkan penjanaaan sampah yang seterusnya dapat memastikan kawasan kita bersih dan seterusnya memelihara bumi kita.

Daripada jumlah sampah yang dijanakan dari Januari hingga November 2014 (399,464.96 tan) anggaran 42% daripada jumlah tersebut adalah sisa organik yang boleh dikompos/dikitar semula iaitu bersamaan dengan 167,775.28 tan. Jika dihitung dalam ringgit kita boleh jimat sebanyak RM3,389,060.00 (*tipping fees*), tidak termasuk perbelanjaan petrol/disel, gaji pekerja dan penyelenggaraan peralatan dan kenderaan.

Di pihak MPSP, MPSP menyediakan pelbagai program bagi mengatasi isu peningkatan jumlah sisa pepejal di antaranya Bengkel / Taklimat Kitar Semula, Pertandingan Taman Bersih, penubuhan pusat kitar semula dan terbaru ini adalah Projek Komposter Aerob. Program-program ini bukan sahaja di peringkat komuniti tetapi juga di peringkat sekolah. Pada 6 Disember yang lalu, iaitu minggu lepas, MPSP baru sahaja menyampaikan hadiah kepada tujuh taman perumahan di setiap parlimen untuk Pertandingan Taman Bersih. Kebersihan di setiap taman amat penting, walaupun MPSP mempunyai tanggungjawab bagi memastikan kebersihan di setiap taman bersih, saya juga ingin meminta kerjasama daripada semua penduduk agar turut bersama-sama dengan MPSP untuk menjaga kebersihan contohnya jangan membuang sampah di rumah kosong, kawasan lapang yang kosong ataupun sampah ke dalam longkang / sungai. Kerana ini bukan sahaja menjejaskan imej, keindahan taman tersebut, tetapi ia juga akan menyebabkan pembiakan nyamuk aedes dan kemudian akan membawa penyakit kepada penduduk di sekitar kawasan tersebut. Mungkin penduduk Taman Impian Indah dan taman-taman lain di sekitar Taman Impian Indah ini boleh menyertai pertandingan taman bersih pada tahun hadapan

Untuk makluman YB, tuan-tuan dan puan-puan,

Projek Komposter Aerob adalah melibatkan kesemua 24 orang Ahli Majlis dan MPSP telah memperuntukkan sebanyak RM20,000.00 untuk setiap Ahli Majlis

bagi melaksanakan projek ini. Seramai 7 orang Ahli Majlis yang terdapat di Daerah Seberang Perai Tengah, 5 orang ahli majlis akan mengagihkan 50 tong / ahli majlis kepada penduduk SPT dan harga bagi setiap tong adalah RM150.00, manakala 2 orang lagi Ahli Majlis melaksanakan program ini lokasi pilihan mereka. Program yang sama telah dijalankan di Surabaya bersama penduduk. Jika penduduk Surabaya boleh buat dan kurangkan sampah saya yakin penduduk Seberang Perai juga boleh buat lebih baik lagi

Komposter Aerob ini adalah proses penguraian semula jadi untuk menghasilkan baja secara mesra alam dimana ia hanya mengambil masa selama 2 bulan untuk penghasilan baja. Pegawai MPSP juga ada memberikan taklimat sebentar tadi bagaimana tong ini digunakan. Disini, saya ada satu harapan iaitu penggunaan tong ini hanyalah untuk pengkomposan sisa organik / sisa makanan / buah-buahan sahaja dan bukannya untuk menyimpan barang-barang lain atau dijadikan tong sampah.

Untuk makluman semua, bagi mengurangkan penjanaan sisa pepejal, kita juga akan melaksanakan dasar "Generator Waste Pays" mulai tahun 2015. Dasar ini adalah lebih menjurus kepada penjana sampah perindustrian di seluruh Pulau Pinang dimana mereka perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kos pelupusan sisa yang dijanakan oleh mereka di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Pelaksanaan dasar ini dapat menggalakkan pihak penjana untuk melaksanakan dasar penjimatan dan meningkatkan aktiviti kitar

semula / pengasingan sisa di punca bagi mengurangkan pengeluaran sisa perindustrian ataupun menggunakannya semula sebagai sumber baru serta menggalakkan inovasi dan penghasilan produk-produk bersumberkan sisa perindustrian. Melalui dasar ini juga, MPSP dapat memantau dengan lebih berkesan jenis sisa yang dibuang samaada jenis toksid atau beracun ataupun adakah pihak industri membuang sisa ini di lokasi-lokasi yang tidak dibenarkan / pembuangan haram.

Kerajaan Persekutuan juga sudah memaklumkan untuk menggunakan kaedah "*Segregation at source*" atau "Pengasingan di punca". Kita di Seberang Perai juga harus ikut arus perubahan ini.

Oleh itu, saya mempunyai harapan yang besar iaitu semua yang hadir pada hari ini dapat bersama-sama dengan MPSP dalam membentuk sebuah bandar yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan sihat. Selain itu, saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada YB, Ahli Majlis MPSP dan tuan-tuan dan puan-puan kerana memberikan komitmen penuh dalam pembersihan, kebersihan dan pengindahan untuk Seberang Perai. Marilah kita bergerak sebagai satu pasukan untuk mencapai Seberang Perai lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.